



07 FEB, 2021

Tak ramai peniaga mohon pinjaman Spin

Metro Ahad, Malaysia

Page 1 of 2

Tak ramai peniaga mohon pinjaman Spin

Masjid Tanah: Tidak ramai peniaga 'tepi jalan' yang terjejas akibat pandemik Covid-19 mengambil peluang memohon pinjaman mudah Skim Pembiayaan Informal (Spin) disediakan Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (Tekun) Nasional.

Ia berikutan kebanyakan peniaga terbabit tidak memahami atau tidak tahu mengenai kewujudan Spin yang disediakan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi sejak November lalu.

Setakat ini hanya 842 usahawan sudah menerima manfaat Spin yang menyediakan pinjaman antara RM1,000 hingga RM5,000 khusus bagi membantu mereka menjalankan perniagaan terutama yang terkesan akibat pandemik itu.

Timbalan Menterinya, Datuk Mas Ermieyati Samsuddin berkata, usahawan tidak formal adalah mereka yang terbabit dalam perniagaan bersaiz kecil yang tidak berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau pihak berkuasa tempa-

tan (PBT).

"Contohnya, Tekun Cawangan Masjid Tanah mencatatkan sifar usahawan tidak formal yang memohon mendapatkan pinjaman Spin sedangkan program ini adalah untuk usahawan yang tidak berdaftar dan tidak ada dokumen SSM.

"Cara untuk memohon, cuma perlu bawa salinan MyKad, penyata bank, bil utiliti dan bukti memiliki perniagaan yang dijalankan ke pejabat Tekun dan insya-Allah lulus dalam tempoh tujuh hari," katanya ketika meninjau usahawan di Pasar Tani Masjid Tanah.

Beliau menjelaskan dengan tempoh pembayaran balik pinjaman selama 36 bulan, usahawan tidak formal perlu merebut peluang berkenaan bagi memastikan mampu bertahan dalam perniagaan.

Katanya, dalam keadaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang menyebabkan perniagaan usahawan terbabit menghadapi cabaran getir, Tekun sedia membantu mereka.



07 FEB, 2021

Tak ramai peniaga mohon pinjaman Spin

Metro Ahad, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Masjid Tanah: Tidak ramai peniaga 'tepi jalan' yang terjejas akibat pandemik Covid-19 mengambil peluang memohon pinjaman mudah Skim Pembiayaan Informal (Spin) disediakan Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (Tekun) Nasional. Ia berikutan kebanyakan peniaga terbabit tidak memahami atau tidak tahu mengenai kewujudan Spin yang disediakan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi sejak November lalu.